



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PROGRAM PENANAMAN POKOK
“PETRONAS WALK4TREES”**

**TARIKH: 27 FEBRUARI 2022 (AHAD) , MASA : 10.00 PAGI
DI EMPANGAN DURIAN TUNGGAL, ALOR GAJAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Rahmad bin Mariman,
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam,
Infrastruktur dan Pengurusan Banjir;

YB Tuan Ngwe Hee Sem,
EXCO Perpaduan, Penerangan, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal
Pengguna merangkap ADUN Machap Jaya;

YB Zahari bin Abdul Khalil,
ADUN Durian Tunggal;

YBrs. Puan Shariah Nelly Francis,
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Petronas;

YBrs. Encik Khairol Anuar bin Shukri,
Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Refinery Company Sdn.
Bhd.;

YBrs. Encik Faizal Parish,
Pengarah Global Environmental Centre (GEC);

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan
Persekutuan;

YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, Dif-dif Kehormat, rakan-
rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

1. Pertamanya syukur, Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, pada pagi ini kita dapat berkumpul bersama-sama pada Program Penanaman Pokok **“Petronas Walk4trees”** untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha kita untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negeri yang dicintai ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan Petronas di atas kesudian memilih Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka ini sebagai lokasi penanaman pokok hutan di bawah program **“Sentuhan Alam”** anjuran **Petronas** .

3. Kerajaan Negeri Melaka amat menyambut baik usaha-usaha dan penglibatan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Petronas ini dalam menyokong menyokong Agenda Nasional Negara melalui "**Kempen Penanaman 100 Juta Pokok**" menjelang tahun 2025.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

4. Saya difahamkan "**Petronas Walk4trees**" ini adalah program anjuran Petronas bagi mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja Petronas untuk mencapai sasaran **20 bilion langkah** bermula dari **Disember 2019** hingga **Jun 2021**. Setiap **1 juta langkah** yang telah direkodkan, Petronas komited

untuk menyumbang **1 pokok** dan Petronas mensasarkan **20 bilion langkah** bersamaan dengan **20,000 pokok** dapat ditanam di seluruh negara.

5. Untuk makluman semua, Empangan Durian Tunggal dipilih sebagai lokasi strategik untuk program penanaman pokok hutan bagi “**Petronas Walk4trees**” berikutan kepentingannya sebagai kawasan tadahan air utama kepada rakyat Negeri Melaka. Air mentah dari empangan ini akan disalurkan ke **Loji Rawatan Air Bertam** dan penyaluran air mentah ke **Empangan Jus**.

6. Negeri Melaka merupakan di antara **lima (5)** negeri di Malaysia selain **Perlis, Kedah, Pulau Pinang** dan **Selangor** yang mempunyai sumber air yang sangat terhad atau “**Water Stressed State**” seperti yang dinyatakan dalam laporan **National Water Resources Study (NWRS) 2000-2050**. Dijangkakan, pada tahun 2022 ini, Negeri Melaka akan mengalami defisit sumber air bagi menampung keperluan permintaan air yang semakin meningkat.

7. Empangan Durian Tunggal juga telah diisytiharkan sebagai **Kawasan Larangan dan Tempat Larangan** di bawah **Seksyen 4 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959** melalui **Perintah Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (No.7) 2011**.
8. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Melaka melalui Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah telah menjalankan kerja-kerja perobohan struktur bangunan kekal dan pembersihan tapak tanaman di **11 plot pencerobohan** dengan keluasan **57 ekar @ 23.24 hektar**. Saya difahamkan, kerja-kerja ini telah selesai dilaksanakan pada **7 Januari**

2022 yang lalu. Tapak program kita pada hari ini juga merupakan bekas tapak pencerobohan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian;

9. Untuk makluman semua juga, pada **1 Jun 2020**, kerja-kerja mematikan pokok kelapa sawit dengan menggunakan kaedah suntikan di sekitar Tanah Rizab Empangan Durian Tunggal telah dimulakan bagi tujuan menghapuskan pokok sawit di sekitar kawasan empangan seluas **334.04 ekar @ 135.18 hektar**. Kerja-kerja tersebut juga telah siap dilaksanakan pada **31 Disember 2021** yang lalu.

10. Sehubungan dengan itu, aktiviti penanaman pokok-pokok hutan di sekeliling empangan ini dilihat merupakan satu keperluan wajar dalam usaha menyingkirkan tanaman sawit yang menyerap air empangan dengan banyak setiap hari. Penanaman pokok hutan di kawasan empangan juga dilihat dapat meningkatkan kualiti sumber air di samping meningkatkan kekuatan tebing empangan.
11. Alhamdulillah, saya sangat bersyukur kerana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan kawasan hutan di dalam rizab empangan sebagai Hutan Tadahan Air disambut baik oleh Yayasan Petronas dan Global Environmental Centre (GEC). Sekali lagi, setinggi-tinggi

terima kasih saya ucapkan kepada Yayasan Petronas dan GEC. Saya berharap, selepas ini, akan ada lebih banyak lagi Badan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mahupun pihak swasta tampil untuk membantu merealisasikan impian kita ini. Insyallah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Terdapat **enam (6) jenis pokok hutan** yang telah dipilih dan sesuai untuk ditanam di Empangan Durian Tunggal iaitu **Meranti Sekawan Merah, Kasai, Keruing Neram, Merawan Siput Jantan, Kelat Paya** dan **Tenggek Burung**. Difahamkan, pihak GEC telah membuat kajian mengenai spesis-spesis pokok ini di samping telah

meneliti kesesuaiannya dari aspek keupayaan memegang tanah/ tebing empangan, kadar serapan air dan saiz pokok ketika dewasa.

13. Dengan wujudnya tapak semaian sementara di sini, komuniti setempat dapat membantu proses penjagaan kawasan tanaman dengan lebih baik kerana lokasinya yang berhampiran dengan rumah kediaman masing-masing. Saya difahamkan, Yayasan Petronas menaja program ini dari peringkat awal penubuhan komuniti, pemilihan pokok yang sesuai, pendidikan kaedah tanaman, seliaan tapak tanaman dan penjagaan selama 3 tahun. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yayasan Petronas di atas komitmen yang diberikan.

14. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan terima kasih kepada YB Tuan Ngwe Hee Sem selaku ADUN kawasan bersama Penghulu dan Komuniti Ayer Pasir yang menyambut baik usaha ini dan sama-sama turun padang bagi menjayakan program ini.

15. Saya turut dimaklumkan bahawa ahli komuniti menerima sagu hati daripada pihak penganjur dan ini pastinya lebih menarik minat ramai untuk turut serta di samping aktiviti sebegini amat baik untuk kesihatan serta merapatkan hubungan sesama masyarakat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

16. Saya mengambil kesempatan ini juga, merakamkan ucapan tahniah kepada semua yang telah memberikan komitmen yang sangat baik bagi menjayakan program ini. Penglibatan komuniti dalam menghutankan semula kawasan tadahan dilihat dapat membantu menjayakan komitmen kerajaan melalui “Wawasan Kemakmuran Bersama” dalam melahirkan masa hadapan yang lebih hijau.
17. Program sebegini perlu dianjurkan lebih kerap sebagai usaha meningkatkan kesedaran orang awam dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar terutamanya yang melibatkan sumber bekalan air. Menyedari kedudukan empangan ini sebagai kawasan

sasaran penting, saya berharap kawalan keselamatan dapat diperketatkan bagi menghalang pencerobohan di empangan ini.

18. Bukan itu sahaja, saya juga mahukan kawasan empangan ini terus terpelihara agar tiada penggunaan baja dan racun serta tindakan-tindakan yang boleh mengancam keselamatan empangan ini. Besar harapan saya agar pihak komuniti dapat bersama-sama menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam usaha memantau keselamatan empangan kita sepanjang tempoh penanaman ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

19. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmannirrahim, **saya merasmikan “Program Penanaman Pokok Petronas Walk4trees” pada pagi ini.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.